

# Noktah kemiskinan tegar di Terengganu dua bulan lagi

Oleh Zaid Mohd. Noor,  
Tengku Danish Puqtra,  
Hairry Rosli dan Kamaliza  
Kamaruddin  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Semua agensi Persekutuan di Terengganu diarah menyelaraskan gerak kerja bersama kerajaan negeri bagi menoktahkan kemiskinan tegar di negeri itu dalam tempoh dua bulan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sehingga 2 Mei lalu, terdapat 1,663 keluarga masih berada dalam kelompok miskin tegar di Terengganu.

“Insya-Allah di negeri Terengganu kita boleh noktahkan kemiskinan tegar dalam tempoh dua bulan akan datang.

“Besarnya harapan saya agar semua kementerian dan agensi yang berkaitan memberi perhatian khusus dan segera bagi memastikan kelancaran perancangan dan pelaksanaan projek-projek di Terengganu ini secara berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 di pekarangan Kompleks Sukan Gong Badak di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, perbelanjaan pembangunan hasil peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri mencecah RM7 bilion pada tahun ini.

Jelasnya, antara projek pem-



**ANWAR Ibrahim bersalaman dengan orang ramai ketika hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 di pekarangan Kompleks Sukan Gong Badak. Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY**

angunan yang bakal dilaksanakan merangkumi tebatan banjir, bekalan air, keterjaminan makanan, keselamatan di pintu masuk pusat pelancongan negeri dan kesejahteraan sosial.

“Kita juga baru luluskan tadi projek baik pulih hospital dan klinik baru di Besut,” ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Samsuri dalam ucapannya berkata, Terengganu mahu memfokuskan persamaan yang ada dengan kerajaan Persekutuan

dan mengetepikan sebarang perbezaan dalam memastikan hubungan yang baik antara kedua-dua pihak demi kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga mengulangi komitmen kerajaan negeri yang tidak berbelah bagi dalam mencapai hasrat itu.

“Antara persamaan yang ada antara kerajaan negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan adalah untuk menoktahkan

kemiskinan tegar.

“Persamaan yang lain ialah dalam usaha membawa pelabur, meningkatkan kecekapan tata kelola, pentadbiran yang berintegriti, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan sebagainya.

“Jika kita senaraikan satu per satu, sudah pasti kita akan dapati terlalu banyak persamaan hala tuju, dasar dan pendekatan kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan,” ujarnya.